

## 'Mentega', 'Naga Umbang' Lipis saingi Musang King, Black Thone

- Oleh SALEHUDIN MAT RASAD
- 16 Ogos 2024, 7:20 am



PENGARAH Pertanian Pahang, Muhd Rizal Baharom (tengah) menyampaikan hadiah pemenang kedua durian kampung premium kepada Muhammad Rahimi Zainal Abidin di Lipis. - UTUSAN/ SALEHUDIN MAT RASAD

LIPIS: Durian Kampung Premium dijenamakan sebagai 'Mentega' dan 'Naga Umbang' dari variety durian tembaga Pahang diumumkan pemenang pertama dan kedua sempena Hari Durian Daerah Lipis semalam.

Kedua-dua varieti itu berpotensi menjadi saingan durian Musang King atau Black Thone yang ketika ini menjadi pilihan penggemar tegar durian tempatan.

Durian Mentega milik pekebun, Jamaluddin Othman, 67, dari kampung Lubuk Hik, Benta menjadi pemenang pertama yang mempertaruhkan durian tembaga Pahang yang enak dan menjadi rebutan penggemar durian kampung.

Pesara Guru Besar SK Clifford, Lipis itu mengakui isi durian mentega yang berwarna kuning dan tekstur berkrim, gebu dan rasa manis seolah-olah seperti mentega yang rasanya sangat sedap dan menyelerakan.

“Saya mempunyai lebih 100 batang pokok durian di kawasan kebun seluas lima hektar di Lubuk Hik dengan pelbagai variety pokok dan keenakan rasa serta tekstur durian.

“Namun demikian induk durian Mentega hanya sebatang sahaja yang berusia lebih 100 tahun tetapi masih berbuah sekitar 100 biji semusim.

“Pokok durian Mentega telah tumbuh subur di kampung ketika saya masih kecil dan kini masih berjasa kepada tuannya dengan mengeluarkan buah,” katanya kepada Utusan Malaysia semalam.

Menurut Jamaludin, durian tersebut yang terbaik dibawa dari dusunnya dan dia tidak menyangka muncul pemenang pertama, sekali gus mengatasi 20 peserta lain yang kebanyakannya masing-masing turut memperagakan durian berkualiti tinggi.

– UTUSAN